


- 1 Rajah berikut menunjukkan sebahagian daripada kitaran perakaunan.



Apakah A?

- A Lejar
 - B Buku Catatan Pertama
 - C Pelarasan
 - D Catatan Penutupan
- 2 Antara berikut, yang manakah merupakan komponen Penyata Kewangan?
- I Akaun Perdagangan
 - II Akaun Untung Rugi
 - III Penyata Mengira Modal
 - IV Penyata Aliran Tunai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 3 Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Chen Enterprise.
- “Chen Enterprise membeli sebuah kenderaan dengan harga RM350 000 pada 1 Januari 2016. Penilaian yang dibuat pada 1 Januari 2020 menunjukkan nilai pasaran kenderaan tersebut adalah RM175 000.”
- Berapakah nilai kenderaan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- A RM125 000
 - B RM175 000
 - C RM350 000
 - D RM525 000

4 Manakah yang berikut merupakan aset semasa perniagaan?

- A Pinjaman
- B Akaun Belum Terima
- C Overdraf Bank
- D Alatan Pejabat

5 Pemilik Kedai Runcit Theva telah membawa masuk perabot peribadi ke dalam perniagaan.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
B	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
C	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang
D	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan

6 Catatan kontra akan mengurangkan nilai akaun berkaitan. Apakah catatan kontra bagi Aset Bukan Semasa?

- A Ambilan
- B Pulangan keluar
- C Peruntukan hutang ragu
- D Susut nilai terkumpul

7 Apakah fungsi dokumen perniagaan?

- A Sebagai alat perancangan dan kawalan.
- B Sebagai alat menyemak ketepatan catatan ke dalam lejar.
- C Sebagai rujukan semasa penyediaan penyata kewangan.
- D Sebagai bukti bertulis sesuatu urus niaga telah berlaku

8 Dokumen 1 adalah keratan cek Edwin Enterprise.

Tarikh	: 20 Ogos 2020	
Penerima	: Edwin Enterprise	
Kerana	: Kegunaan pejabat	
	Ringgit	Sen
Baki terakhir	25,000	
Dimasukkan	-	
Jumlah	25,000	
Cek ini	2,500	0
Baki	22,500	
No. Cek	: MBB123678	

Dokumen 1

Apakah urus niaga yang berlaku pada 20 Ogos 2020?

- A Mengeluarkan tunai dari bank untuk belian barang niaga.
- B Mengeluarkan tunai dari bank untuk keperluan peribadi.
- C Mengeluarkan tunai dari bank untuk belian alatan pejabat.
- D Mengeluarkan tunai dari bank untuk keperluan perniagaan.

9 Pernyataan berikut diambil daripada Kedai Alatan Sukan Shuib

Pemilik mengeluarkan alatan sukan dari inventori kedainya untuk tujuan promosi.

Antara berikut, manakah catatan yang betul?

	Debit	Kredit
A	Akaun Ambilan	Akaun Belian
B	Akaun Belian	Akaun Ambilan
C	Akaun Promosi	Akaun Belian
D	Akaun Belian	Akaun Promosi

10 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Mira Filzah.

Pada 29 Jun 2020, Perniagaan Mira Filzah telah menghantar nota debit kepada Kedai Ahmad Izzul berjumlah RM290 kerana kesilapan dalam invois.

Apakah Buku Catatan Pertama yang akan digunakan oleh Perniagaan Mira Filzah untuk merekod urus niaga di atas?

- A Jurnal Jualan
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Pulangan Jualan
- D Jurnal Pulangan Belian

11 Maklumat Buku Tunai Runcit berikut di ambil daripada Azira Enterprise pada 30 Jun 2020.

Butiran	RM
Baki pada 1 Jun 2020	45
Terimaan cek dari kerani akaun	155
Jumlah Pembayaran	
Belanja pejabat	55
Belanja pos	40
Rak fail pejabat	95

Berapakah baki akhir Buku Tunai Runcit Azira Enterprise?

- A RM 45
- B RM 10
- C RM 155
- D RM 105

12 Akaun berikut diperoleh daripada buku Wani Enterprise.

Akaun Sewa	
	RM
Tunai	550

Antara berikut yang manakah menerangkan lejar di atas?

- A Sewa dibayar dengan cek
 - B Sewa dibayar dengan tunai
 - C Sewa diterima dengan cek
 - D Sewa diterima dengan tunai
- 13 Antara berikut, urus niaga yang manakah direkodkan di sebelah debit Buku Tunai?
- I Jualan Tunai
 - II Belian Tunai
 - III Menjelaskan hutang kepada Akaun Belum Bayar
 - IV Menerima cek daripada Akaun Belum Terima
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 14 Antara berikut, yang manakah direkodkan dalam Lejar Jualan?
- A Bank dan diskaun diterima
 - B Jualan kredit dan pulangan masuk
 - C Jualan kredit dan pulangan keluar
 - D Peruntukan hutang ragu dan hutang lapuk terpulih

15 Imbangan duga di bawah diambil daripada Kedai Runcit MK

Imbangan Duga pada 30 Jun 2020

	RM		RM
Tunai	4 000	B	19 000
Perabot	3 000	Jualan	6 000
Bank	10 000	Pemborong Chong	900
Belian	9 000	Pulangan belian	100

Apakah butiran **B**?

- A Modal
- B Premis
- C Akaun Belum Terima
- D Penyelenggaraan kenderaan

16 Berikut merupakan petikan Akaun Perdagangan bagi Perniagaan Majoo

Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2020

Jualan		90 000
Kos Jualan		
Inventori awal	30 000	
Belian	40 000	
Kos Barang untuk dijual	<u>70 000</u>	
Inventori akhir	(10 000)	
Kos Jualan		<u>(60 000)</u>
Untung Kasar		<u>?</u>

Apakah kesan kepada Untung Kasar jika nilai inventori akhir adalah RM15 000?

- A Untung Kasar akan meningkat
- B Untung Kasar akan berkurang
- C Rugi Kasar akan meningkat
- D Rugi Kasar akan berkurang

- 17 Siapakah pengguna dalaman penyata kewangan?
- A Kerajaan
 - B Bank
 - C Pelabur
 - D Pihak Pengurusan
- 18 Pada 1 April 2019, Perniagaan Nabilan telah membayar insurans tahunan kedainya sebanyak RM1 200. Tempoh perakaunannya berakhir pada 31 Disember 2019. Berapakah insurans yang dipindah ke Akaun Untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019?
- A RM 300
 - B RM 400
 - C RM 900
 - D RM 1000
- 19 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Mulla.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2019

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	800	
Hutang Lapuk	300	

Maklumat tambahan:

Seorang pelanggan yang berhutang RM 500 telah mufli. Hutangnya dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Berapakah amaun hutang lapuk direkodkan ke dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM200
- B RM300
- C RM500
- D RM800

- 20 Kim Berhad membeli sebuah mesin bernilai RM19 000. Mesin dijangka boleh digunakan selama 10 tahun. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap mesin dianggarkan sebanyak RM3 200. Berapakah susut nilai mesin tersebut?
- A RM1 350
 - B RM1 580
 - C RM1 850
 - D RM1 900
- 21 Pada 1 Januari 2018, Peniagaan Hisham telah membeli sebuah mesin bernilai RM28 500. Mesin ini disusut nilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Pada 31 Disember 2019, mesin telah dijual dengan harga RM20 550. Kirakan untung atau rugi atas pelupusan yang diperoleh perniagaan Hisham.
- A Rugi atas pelupusan RM2 535
 - B Untung atas pelupusan RM2 535
 - C Rugi atas pelupusan RM2 250
 - D Untung atas pelupusan RM2 250
- 22 Kesilapan manakah yang menyebabkan Imbangan Duga tidak seimbang?
- I Kesilapan saling mengimbangi
 - II Kesilapan ketinggalan satu catatan
 - III Kesilapan menghitung jumlah jurnal
 - IV Kesilapan ketinggalan satu urusan niaga
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D II dan IV

23

Belanja membaiki premis RM 3 000 dengan cek tersilap rekod ke Akaun Premis.

Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
A	Premis	3 000	
	Belanja Membaiki Premis		3 000
B	Premis	3 000	
	Bank		3 000
C	Belanja Membaiki Premis	3 000	
	Bank		3 000
D	Belanja Membaiki Premis	3 000	
	Premis		3 000

24

Nisbah ini digunakan untuk mengukur untung atau rugi bersih yang diperolehi daripada setiap ringgit jualan.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Nisbah Semasa
 - B Pulangan Atas Modal
 - C Peratus Untung Kasar atas Jualan
 - D Peratus Untung Bersih atas Jualan
- 25 Antara berikut, yang manakah merupakan situasi rekod tak lengkap yang berlaku dalam sesebuah perniagaan?
- A Dokumen akaun telah tercicir atau musnah
 - B Peniaga tidak merancang perbelanjaan
 - C Tiada kawalan tunai dalam perniagaan
 - D Imbangan duga yang tidak seimbang

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Fazura

	RM
Modal awal	25 000
Modal tambahan	10 000
Untung bersih	18 650
Ambilan	1 260

Hitung modal akhir Perniagaan Fazura

- A RM53 650
 B RM52 390
 C RM32 390
 D RM15 090
- 27 Cik Emily tidak menyimpan buku akaun dengan lengkap. Maklumat berikut diperoleh pada 31 Julai 2020.

2019		RM
Ogos 1	Sewa belum bayar	560
2020		
Julai 31	Jumlah pembayaran sewa	1 080
	Sewa belum bayar	320

Berapakah jumlah sewa yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2020?

- A RM 200
 B RM 760
 C RM 840
 D RM1 320
- 28 Apakah tujuan peniaga mengawal tunai perniagaan?
- A Menambah keuntungan perniagaan.
 B Mengembangkan perniagaan.
 C Memastikan tunai mencukupi.
 D Mengetahui prestasi perniagaan.

29 Penyata Penyesuaian Bank berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2020

	RM	RM
Baki kredit di Buku Tunai		(700)
Tambah : C	5 600	
Dividen	1 400	7 000
		6 300
Tolak : D	4 200	
Caj bank	100	(4 300)
Baki kredit di Penyata Bank		2 000

Apakah C dan D?

	C	D
A	Deposit belum dikreditkan	Cek belum dikemukakan
B	Cek belum dikemukakan	Deposit belum dikreditkan
C	Perintah sedia ada	Faedah atas simpanan
D	Buku cek	Cek tak laku

30 Jadual di bawah ini menunjukkan anggaran jualan Perniagaan Pravin bagi bulan Januari hingga Mac 2020

Bulan	Jualan (RM)
Januari	50 000
Februari	60 000
Mac	65 000

Maklumat tambahan :

40% daripada jualan adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama dua bulan.

Berapakah jumlah penerimaan tunai pada bulan Mac 2020?

- A RM62 000
- B RM54 000
- C RM59 000
- D RM75 000

31 Antara berikut, item manakah yang didebitkan ke dalam Akaun Semasa Pekongsi?

- I Ambilan
 - II Untung Akaun Pengasingan Untung Rugi
 - III Faedah atas ambilan
 - IV Faedah atas pinjaman
- A I dan III
B I dan IV
C II dan IV
D III dan IV

32 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Teck dan Suren

	RM
Jumlah aset (termasuk bank)	68 000
Akaun belum bayar	10 000
Belanja realisasi	1 200
Bank	8 000

Maklumat tambahan:

- i. Semua aset direalis dengan nilai RM 65 000.
- ii. Liabiliti dijelaskan sepenuhnya dengan nilai RM8 500.

Berapakah untung atau rugi realisasi?

- A Rugi realisasi RM3 800
 - B Rugi realisasi RM5 300
 - C Untung realisasi RM5 300
 - D Untung realisasi RM3 800
- 33 Pilih pernyataan yang benar tentang dividen?
- I Dividen ialah sebahagian keuntungan yang diagihkan oleh syarikat
 - II Dividen interim diagihkan sebelum tamat tempoh perakaunan
 - III Dividen akhir juga dikenali sebagai dividen syer keutamaan
 - IV Pemegang syer biasa berhak menerima tunggakan dividen
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

- 34 Persatuan Pandu Puteri Daerah Johor Bahru telah mengubah suai bangunan untuk menampung jumlah ahli yang semakin bertambah. Perkara ini akan direkodkan sebagai
- A Perbelanjaan hasil
 - B Perbelanjaan modal
 - C Perbelanjaan kendalian
 - D Perbelanjaan bukan kendalian
- 35 Maklumat berikut menunjukkan penerimaan dan pembayaran Kelab Penduduk Fasa Hazel sepanjang bulan Januari 2020

Baki 1 Januari 2020	RM 200
Penerimaan	
Yuran	200
Derma	120
E	150
Pembayaran	
Alat tulis	40
Belanja am	20

Apakah E?

- A Belian sukaneka
 - B Upah
 - C Kutipan sukaneka
 - D Sewa
- 36 Akaun Yuran berikut diambil daripada Kelab Tari Bella bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

		Akaun Yuran			
2019		RM	2019		RM
Jan 1	Yuran Belum Terima	100	Dis 31	Bank	1 200
Dis 31	Pendapatan dan perbelanjaan	1 300		Yuran Belum Terima	200
		1 400			1 400

Apakah yang dimaksudkan dengan Yuran Belum Terima RM200 dalam akaun di atas?

- A Yuran ahli yang belum diterima untuk tahun 2018
- B Yuran ahli yang belum diterima untuk tahun 2019
- C Yuran ahli yang telah diterima untuk tahun 2019
- D Yuran ahli yang telah diterima untuk tahun 2020

37 Antara berikut ialah maklumat mengenai Persatuan Geografi SMK B.

	1 Julai 2019	30 Jun 2020
	RM	RM
Yuran belum terperoleh	200	-
Yuran belum terima	-	100
Yuran yang telah diterima sepanjang tahun itu ialah RM 400.		

Catatan yang manakah dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan adalah benar ?


A	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan	
	RM	
Yuran	300	

B	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan	
		RM
	Yuran	300

C	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan	
	RM	
Yuran	700	

D	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan	
		RM
	Yuran	700

38 Maklumat berikut berkaitan komponen kos dalam akaun pengeluaran.



Apakah F ?

- A Kos buruh langsung
- B Kos pengeluaran
- C Kos bahan langsung
- D Kos overhead

39 Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah kilang batik.

	RM
Kos bahan langsung	54 000
Kos buruh langsung	6 300
Belanja langsung	1 200
Kos overhead	7 230
Kerja dalam proses awal	8 230
Kerja dalam proses akhir	7 800

Berapakah jumlah kos pengeluaran ?

- A RM84 760
 - B RM68 730
 - C RM69 160
 - D RM68 300
- 40 Pusat Kecantikan Jamillya menawarkan perkhidmatan rawatan muka yang berasaskan 'Aroma Therapy Oil'. Kos yang terlibat dalam perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Harga rawatan satu sesi	250
Kos berubah rawatan satu sesi	80
Kos tetap	7 000

Berapakah bilangan perkhidmatan yang perlu diberikan sekiranya Pusat Kecantikan Jamillya mensasarkan keuntungan sebanyak RM10 000?

- A 100 sesi
- B 125 sesi
- C 40 sesi
- D 59 sesi

KERTAS SOALAN TAMAT